

10/09/2003

Dandanannya Wong raih lima anugerah

Halina Mohd Noor

SENTUHAN canggih, asli dan gabungan warna unik pada rambut dihasilkan Alex Wong Choo Foo berjaya menjulang namanya sebagai juara pada pertandingan dandanannya rambut L'Oreal Colour Trophy Awards 2003 bertemakan 'Kecantikan Ketimuran', baru-baru ini.

Wong mengalahkan 19 peserta lain yang mewakili zon masing-masing dan menerima trofi Colour Sculpture yang berprestij. Beliau turut memenangi pakej lima hari empat malam ke London, di samping berpeluang menjadi pengadil Colour Trophy Awards di Singapura. Gaya rambut yang dihasilkan pendandanannya daripada Mo Cool Hair di Johor Bahru ini juga berjaya menambat hati pembaca yang mengundinya untuk tiga anugerah lain, iaitu Estetica Cover Award 2003, Female Choice Award 2003 dan kategori baru yang dipertandingkan, Shu Uemura Best Make-up Award. Beliau turut muncul juara bagi kategori Anugerah Zon Malaysia Selatan.

Pertandingan itu turut mempertandingkan empat kategori lain. Kategori Anugerah Imej Lelaki 2003 dimenangi Emil Khor Eng Keat dari Toni & Guy Hairdressing, Kuala Lumpur. Khor menampilkan imej rambut lelaki dengan gaya 'funky' turut memenangi anugerah People's Choice Award 2003 yang diundi oleh pembaca akhbar Sin Chew Jit Poh. Kategori Zon Utara dan Sabah & Sarawak dimenangi Alan Ch'ng Poh San dari salun Inspiration Alan, Sarawak yang menampilkan rambut panjang dengan potongan pendek di depan dan sisi.

Heman Hee Thian Siong daripada Miko Hair Studio, Kuala Lumpur berjaya meraih dua gelaran, iaitu Anugerah Kreatif Nuyou dan Anugerah Zon Tengah Malaysia 2003 dengan potongan rambut ringkas dengan paduan dwiwarna, iaitu hitam dan sedikit merah di tepinya.

Pertandingan L'Oreal Colour Trophy Awards 2003 mengkehendaki peserta mencipta gaya yang boleh dikomersialkan dan diterima umum. Ia perlu amali untuk dandanannya setiap hari. Ini membezakan pertandingan ini daripada pertandingan dandanannya rambut lain. Tahun ini, L'Oreal Colour Trophy Awards 2003 memperkenalkan kategori baru tajaan Rodale's Men's Health Malaysia. Ia membuka ruang untuk mencipta pelbagai warna dan gaya kreatif yang tidak terhad untuk lelaki.

Sempena pertandingan itu, L'Oreal Profesional turut menyerahkan sumbangan sebanyak RM84,500 kepada Pengerusi Datuk Paduka Marina Mahathir untuk Yayasan Aids Malaysia (MAF) bagi membantu kanak-kanak yang dijangkiti HIV/Aids. Kempen itu disertai 142 salun L'Oreal Professionnel di seluruh Malaysia yang berlangsung sepanjang Julai lalu. Sumbangan dikutip berdasarkan jualan tiub warna rambut oleh salun yang mengambil bahagian yang disalurkan untuk kempen ini. L'Oreal Professionnel turut menjual kemeja-T yang dijual pada harga RM20 dan setiap RM10 akan disalurkan kepada MAF.